

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9985

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana keberkesanan Ops Selamat 11 dan berapakah jumlah kemalangan jalan raya, kemalangan maut dan kes pecah rumah yang dicatatkan sepanjang operasi Ops Selamat 11 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Op Selamat 11/2017 telah dilancarkan pada 18 Jun 2017 hingga 2 Julai 2017 sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tujuan melancarkan pergerakan lalu lintas untuk pengguna jalan raya pulang berhari raya di kampung halaman serta sebagai langkah mengurangkan kes kemalangan jalan raya khususnya kemalangan maut. Di samping itu, Op Selamat juga diperluaskan kepada pemantauan di rumah-rumah yang ditinggalkan kosong agar tidak dipecah masuk oleh penjenayah.

Konsep Op Selamat 11/2017 dilaksanakan secara "*Total Enforcement*" dengan menggembelng semua sumber tenaga PDRM meliputi anggota tugas am dan anggota trafik di seluruh negara. Tumpuan diberikan kepada kawasan hitam yang dikenal pasti sebagai kawasan yang sesak pada musim perayaan yang boleh menyumbang kepada kemalangan seperti memandu di lorong kecemasan, memotong di garisan berkembar, menggunakan telefon semasa memandu, memotong barisan, memandu laju dan tidak mematuhi lampu isyarat.

PDRM juga menjalankan rondaan di kawasan-kawasan perumahan, kilang-kilang dan tempat strategik yang menjadi sasaran penjenayah.

Statistik perbandingan jumlah kemalangan dan kemalangan maut bagi Op Selamat 9/2016 dan Op Selamat 11/2017 adalah seperti berikut:

PERKARA	OP SELAMAT 9/2016	OP SELAMAT 11/2017	PERBANDINGAN	
			BEZA	%
JUM. KEMALANGAN	20,982	22,402	1,420	7
JUM. KEMALANGAN MAUT	273	239	-34	12.5
JUM. KEMATIAN	299	257	-42	14

Nota: Op Selamat 9/2016 dan 11/2017 adalah operasi yang dijalankan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri

Statistik perbandingan kes pecah rumah bagi Op Selamat 9/2016 dan Op Selamat 11/2017 adalah seperti berikut:

OP SELAMAT 9/2016	OP SELAMAT 11/2017	BEZA	%
794	629	-165	21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 44

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tentang lapangan terbang Low Cost Terminal yang akan dibina di Sarawak, bagaimana projek ini dijalankan, adakah Kerajaan Persekutuan akan menanggung kesemua kos pembinaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Kementerian Pengangkutan (MOT) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina lapangan terbang *Low Cost Terminal* di Sarawak. Walau bagaimanapun, lapangan terbang-lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Bintulu, Lapangan Terbang Miri serta Lapangan Terbang Sibu di Sarawak turut mengendalikan operasi perkhidmatan tambang murah yang disediakan oleh syarikat penerbangan tambang murah seperti Air Asia.